



MINIT TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

BIL: 1/2014/2015

TARIKH: 25 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)

RUJUKAN	PERKARA	TINDAKAN	STATUS
1.3	Pengerusi mengingatkan fakulti supaya memastikan tajuk dan kajian pelajar bersesuaian dengan bidang pengajian mereka. Pemeriksaan yang dicalonkan juga perlu bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar.	Semua fakulti	Fakulti telah mengambil maklum. Fakulti telah membuat semakan bidang pengajian Pemeriksaan yang dicalonkan semasa JKA dan JKPSF serta semasa pelajar membuat pembentangan <i>First Assessment</i> .
1.4	Mesyuarat dimaklumkan mengenai perbandingan di antara Jumlah GOT Pelajar Tempatan dengan Antarabangsa daripada bulan Januari hingga Oktober 2014. Statistik menunjukkan graduan bukan warganegara lebih ramai daripada warganegara. Sehubungan itu, fakulti diminta mengambil langkah-langkah sewajarnya agar graduan bukan warganegara dan warganegara seimbang dan cadangan langkah-langkah ini dibentangkan dalam mesyuarat JAPSU yang akan datang.	Semua fakulti	Fakulti yang telah menghantar laporan : FPREE, UTM Razak School, FKK, FAB, UTM AIS, UTM Perdana School, FM, FKE, FP, MJIT, SPS, FC, FKA, FKM dan FS.
1.5	Mesyuarat dimaklumkan mengenai bilangan pelajar PhD yang aktif dalam tempoh pengajian 42 bulan dan ke atas mengikut fakulti. Fakulti diminta melaporkan status pelajar iaitu berapa orang telah menjalani <i>First Assessment</i> dan berapa orang yang telah menghantar Notis Hantar Tesis (NHT). Laporan ini akan dibentangkan	Semua fakulti	Fakulti yang telah menghantar laporan : FPREE, UTM Razak School, FKK, FAB, UTM AIS, UTM Perdana School, FM, FKE, FP, MJIT, SPS, FC, FKA, FKM dan FS.

RUJUKAN	PERKARA	TINDAKAN	STATUS
	dalam mesyuarat JAPSU yang akan datang. Fakulti juga diminta untuk mengadakan sesi pertemuan dengan penyelia untuk mendapatkan maklumat daripada penyelia berhubung status pelajar di bawah seliaan mereka yang telah dikenalpasti untuk GOT, graduan atau gagal.		
1.6	Pengerusi mohon Unit ICT SPS mengeluarkan paparan status pelajar yang sudah menghantar notis di dalam GSMS supaya boleh dilihat oleh penyelia. Unit ICT SPS juga perlu memberi capaian (<i>access</i>) kepada penyelia untuk mereka melihat status Notis Hantar Tesis pelajar mereka.	Unit ICT SPS	Unit ICT SPS telah berbincang dengan CICT berkenaan perkara ini dan ketika ini CICT sedang dalam proses penambahbaikan sistem untuk capaian tersebut.
1.7	Unit ICT SPS diminta membentangkan status Notis Hantar Tesis (NHT) penyelia dalam Mesyuarat JAPSU yang akan datang.	Unit ICT SPS	Unit ICT SPS akan membentangkan contoh paparan antara muka Notis Hantar Tesis (NHT) dalam mesyuarat JAPSU.
1.8	Pengerusi membentangkan statistik pelajar yang tidak mempunyai penyelia. Sehubungan itu, Unit ICT SPS diminta untuk menghantar emel kepada JAPSU berserta dengan senarai nama pelajar-pelajar tersebut. Unit ICT SPS juga diminta menyelesaikan perkara ini dengan segera.	Unit ICT SPS	Telah diemel pada JAPSU pada hari yang sama (25 September 2014).
1.9	Pengerusi juga membentangkan sasaran graduan Sarjana dan PhD bagi tahun 2015. Semua fakulti diminta mengambil maklum dan membincangkan perkara ini di dalam Mesyuarat JKA fakulti masing-masing serta melaporkan di dalam Mesyuarat JAPSU akan datang cadangan sasaran baru sekiranya tidak bersetuju dengan cadangan	Semua fakulti	Fakulti yang telah menghantar laporan : FPREE, UTM Razak School, FKK, FAB, UTM AIS, UTM Perdana School, FM, FKE, FP, MJIT, SPS, FC, FKA, FKM dan FS.

RUJUKAN	PERKARA	TINDAKAN	STATUS
	SPS. Fakulti juga diminta menyenaraikan nama pelajar yang dijangka boleh mencapai sasaran tersebut bagi tahun 2015. Fakulti diingatkan bahawa sasaran yang dicadangkan oleh fakulti mestilah tidak boleh kurang daripada sasaran yang ditetapkan oleh SPS.		
1.10	Pengerusi memohon supaya SRAD mengambil maklum tentang Sistem GSMS bagi Modul Pengambilan dan berbincang dengan lebih lanjut dengan pihak CICT berhubung penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem. SRAD perlu membuat semakan senarai pelajar yang masih belum mempunyai nama penyelia dan mod pengajian dalam M3 dan membentangkan status perkembangan dan penambahbaikan yang telah dibuat bagi mengatasi masalah tersebut.	SRAD	Pada dasarnya, data penyelia perlu dikemaskini oleh pihak fakulti kerana pihak SRAD tidak mempunyai akses kepada sistem tersebut. Walau bagaimanapun, isu berkaitan telah selesai ditangani melalui Bengkel Pemurnian Data Penyelia di dalam sistem UTM HR oleh semua fakulti yang telah diadakan oleh pihak SPS pada 29 September 2014 dan 14 Oktober 2014.
1.11	Pengerusi juga meminta supaya staf SRAD memberi maklumbalas aduan-aduan yang dikemukakan kepada SRAD bagi tujuan mengelakkan aduan tersebut dipanjangkan kepada SPS atau pihak Pengurusan UTM.	SRAD	Aduan yang diterima lazimnya akan cuba diselesaikan di peringkat SRAD sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal penubuhan SRAD terdapat kekeliruan di pihak pelanggan tentang peranan SRAD, AMD dan SPS yang menyebabkan sebahagian aduan dikemukakan terus ke SPS dan tidak kepada SRAD. Pihak SRAD mengambil maklum tentang perkara ini dan sentiasa membuat hebahan kepada pelanggan dari masa ke semasa berkaitan skop dan tanggungjawab SRAD supaya mereka menyalurkan sebarang aduan kepada unit-unit yang berkaitan

RUJUKAN	PERKARA	TINDAKAN	STATUS
			sahaja.
1.13	Pengerusi meminta fakulti melaporkan jumlah pelajar separuh masa yang akan GOT iaitu yang akan selesai dalam masa 72 bulan atau yang sedang berada dalam semester 12 dan ke atas dalam mesyuarat JAPSU akan datang.	Semua fakulti	Fakulti yang telah menghantar laporan : FPREE, UTM Razak School, FKK, FAB, UTM AIS, UTM Perdana School, FM, FKE, FP, MJIT, SPS, FC, FKA, FKM dan FS.
1.15	Pengerusi memaklumkan bahawa SPS akan mengaudit proses kerja pengurusan viva FBME dalam masa terdekat.	SPS dan FBME	FBME telah memberikan tarikh audit iaitu pada 24 Disember 2014. Walau bagaimanapun, pihak SPS mohon agar audit tersebut diawalkan ke 18 November 2014.
1.16	Mesyuarat diingatkan mengenai tarikh Bengkel Pemurnian Data Penyelia M3 Sistem GSMS yang akan diadakan pada hari Isnin, 29 September 2014 jam 8.30 pagi di Makmal Komputer, Aras 3, CICT. Timbalan Dekan (Akademik), Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Pembantu Tadbir (P/O) PMI diminta hadir ke bengkel tersebut. Bengkel ini juga akan diadakan di UTM KL pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.	Semua fakulti dan Unit ICT SPS	Selesai. Bengkel Pemurnian Data Penyelia M3 Sistem GSMS telah diadakan pada 29 September 2014.